

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
TARIKH : 6.3.2018
SOALAN : NO. 72

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pada akhirnya bilangan maktab perubatan awam dan swasta serta bilangan maktab perubatan yang diiktiraf di dunia. Bagaimana bilangan graduan diuruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat 11 buah Universiti Awam (UA) dan 20 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengendalikan program perubatan di dalam negara. Di samping itu, berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia, terdapat sebanyak 312 buah program perubatan asing yang diiktiraf dan tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971.

Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi Negara, pada tahun 2017 terdapat seramai 4,779 orang graduan perubatan iaitu 2,475 orang graduan daripada UA dan 2,304 orang graduan IPTS.

Graduan perubatan yang telah menamatkan pengajian di institusi pendidikan tempatan boleh berdaftar secara sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bagi tujuan latihan siswazah (*housemanship*) di dalam negara sehingga mendapat sijil pendaftaran penuh yang membolehkan mereka untuk mengamal perubatan secara bebas di dalam negara. Walau bagaimanapun, bagi prosedur latihan siswazah di negara lain, ia nya adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh badan yang mengawal selia pendaftaran di negara yang berkenaan.